

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 20 NOVEMBER 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 36

Cabaran ekonomi pasca PRU

Cabaran ekonomi pasca PRU

A KADIR JASIN

ASAM PEDAS

Tidak lama selepas Mohd Najib Abdul Razak, yang merupakan Timbalan Perdana Menteri, diberikan tugas tambahan sebagai Menteri Kewangan pada tahun 2008, saya mengambil inisiatif mengumpulkan pengarang dan wartawan kanan Melayu untuk menemui beliau.

Tujuannya adalah bagi memahami hala tuju dasar ekonomi kerajaan dan memberi maklum balas serta cadangan kepada beliau.

Sebagai Timbalan Perdana Menteri yang dikatakan lebih berpengetahuan berbanding Perdana Menteri waktu itu, Tun Abdullah Ahmad Badawi, Mohd Najib diberikan bidang tugas yang luas seperti pengawasan ke atas Felda, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Dalam bidang ekonomi dan kewangan, beliau menjadi jurucakap bagi mempertahankan langkah kerajaan yang

tidak popular seperti penarikan balik secer berperingkat subsidi petrol.

Kebimbangan saya waktu itu adalah kesan pertumbuhan ekonomi negara yang lebih rendah sejak Krisis Kewangan Asia 1997/98 ke atas rakyat berpendapatan rendah yang sebahagian besarnya bumiputera.

Hatta pada ketika ekonomi berkembang rancak sejak pelancaran Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1971 hingga berlaku krisis 1997/98 pun, bumiputera masih tertinggal berbanding kaum Cina dan India.

Hasil pertemuan dengan Mohd Najib itu tidaklah mengalakkang sangat. Boleh jadi beliau beranggapan apalah sangat maklum balas dan cadangan daripada beberapa orang pengarang dan wartawan yang bukan pakar ekonomi.

Walaupun pelbagai dasar dan pendekatan telah menggantikan DEB dan sedikit sebanyak berjaya merangsang semula pertumbuhan ekonomi dan membasi kemiskinan, namun jurang pendapatan antara bumiputera dan bukan bumiputera kekal, malah melebar semula.

Jadi tidak hairanlah apabila berlaku pandemik Covid-19 dan penutupan ekonomi selama dua tahun, bumiputera adalah yang paling teruk terjejas. Banyak isi rumah bumiputera (dan bukan bumipu-

tera juga) dalam kategori M40 jatuh kepada kategori miskin B40.

Kerajaan sendiri menganggarkan 580,000 isi rumah M40 jatuh menjadi B40 akibat pandemik Covid-19. Ini adalah antara manifestasi kerapuhan ekonomi bumiputera.

Banyak ahli ekonomi serta pernyelidik yang pakar dalam hal pembahagian kekayaan bimbang yang kelidakseseimbangan ini boleh menyebabkan Malaysia menjadi negara berkelas dan berkasta. Yang kaya bertambah kaya dan yang miskin bertambah miskin.

Terbaru, Emir Research yang diiktui oleh Dr Rais Hussin berkata, walaupun ketidakseseimbangan pendapatan antara kaum dikurangkan dengan banyak antara 1970-an dan 2020, namun jurang sebenar adalah lebih luas sekarang daripada 50 tahun lalu.

Memetik kajian Bank Dunia, Dr Rais berkata, pada tahun 2004, nisbah kemiskinan di kalangan bumiputera adalah 49.1 peratus berbanding 17.7 peratus Cina dan 33.4 peratus India.

Menjelang 2016, nisbah kemiskinan bumiputera turun kepada 13.1 peratus (pengurangan 73 peratus), Cina 2.4 peratus (pengurangan 86 peratus) dan India 7.3 peratus (pengurangan 78 peratus). Entità bumiputera terus ketinggalan.

Kita tidak menafikan kejayaan ini tetapi apa yang perlu dibimbangkan adalah keadaan sebenar ekonomi bumiputera di sebalik pelbagai retorik politik yang kononnya kebijakan bumiputera adalah pertimbangan utama semua parti politik Melayu dan bumiputera.

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ketika pandemik membuktikan secara sahih kerapuhan ekonomi rakyat bawah-an, khususnya bumiputera, dan sekali gus kehambaran retorik politik Melayu-Islam.

Malah, kalau dilihat daripada aspek semasa yang paling sempit sekali pun adalah sangat jelas yang kerajaan telah gagal. Hendak menjamin ada bekalan serta harga ayam dan telur pun tidak mampu.

Kesimpulannya, apa pun bentuk kerajaan dan siapa pun ketuanya selepas PRU semalam adalah angin dan angangan kosong kalau hasrat dan keperluan asas rakyat jelata gagal dipenuhi.

Ahli ekonomi, Dr Muhammed Abdul Khalid dan saya pernah mencipta dan memperkenalkan 'Indeks Kangkung' pada tahun 2014. Mungkin ada pakar yang boleh mencipta dan mempopularkan 'Indeks Telur' bagi mengukur kerajaan baharu ini. Wallahuaklam.

* Datuk A Kadir Jasin ialah Tokoh Wartawan Negara